

CNS9862

R GB 25-07 00151 BD661

bah

Labuan - Pekerja

USAHA ATASI KEKURANGAN PEKERJA DI LABUAN DAPAT SAMBUTAN

I

LABUAN, 25 Julai (Bernama) -- Kalangan perdagangan di sini menyambut baik kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa pekerja kontrak akan diimport dari Filipina bagi mengatasi kekurangan tenaga pekerja di Labuan.

Pengerusi Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Labuan (LCCCI) Tan Sri Wong Chik Lim berkata beliau menyambut baik langkah itu kerana kekurangan tenaga pekerja boleh menyebabkan kos tenaga pekerja meningkat dan pelabur hilang kepercayaan.

Pengerusi Dewan Perniagaan dan Perindustrian Melayu Malaysia (DPPMM) cawangan Labuan, Haji Yusof Mohamed berkata langkah itu juga dapat mengatasi masalah "mencuri" pekerja oleh kontraktor.

Beliau berkata, pada masa ini tiada kontrak secara formal dengan pekerja mahir dan tidak mahir kerana mereka dibayar gaji hari dan oleh itu tawaran gaji yang lebih tinggi oleh kontraktor lain tentu menjadi tarikan.
-- Lagi

▼25/07/19-34MST

CNS9865

R GB 25-07 00137 BD662

bah

Labuan - Pekerja 2 (akhir) Labuan

Presiden Dewan Perniagaan dan perindustrian Labuan Roger Chua berkata selatan Filipina merupakan pilihan yang sesuai bagi sumber manusia kerana Labuan telah lama menjalin hubungan perdagangan dengan rantau itu.

Chua berkata cadangan oleh pengerusi Lembaga Pembangunan Labuan (LDA) Tun Daim Zainuddin supaya pas sempadan dikeluarkan kepada pekerja dari selatan Filipina memang baik kerana ini mempercepatkan pengambilan pekerja.

Beliau berkata, penerbangan antara di sini dan Zamboanga (selatan Filipina) juga memudahkan pengambilan tenaga pekerja.

Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Labuan Mohinder Singh mencadangkan supaya peraturan imigresen dilonggarkan memandangkan kedudukan pulau itu.

Beliau juga meminta kerajaan memberi kuasa kepada pejabat imigresen Labuan bagi mengeluarkan pas kerja dan tidak payah merujuk setiap kes kepada Kuala Lumpur. -- Bernama

AG MGN FAZ

▼25/07/19-35MST